

SYARAHAN KHAS

BLACK-TIE DINNER

ORIENTATION COURSE FOR HEADS OF MISSION

AND THEIR SPOUSE PROGRAMME

PERKHIDMATAN LUAR NEGERI

DALAM KONTEKS PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

29 JULAI 2011

Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri

*Bismillahir rahmanir rahim
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia

Saudara / saudari pengacara majlis

YBhg. Tan Sri Mohd Radzi Abdul Rahman

Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri

YBhg. Timbalan-Timbalan KSU Kementerian Luar Negeri

YBhg. Dato' Ku Jaafar Ku Shaari

Ketua Pengarah, Institut Diplomasi dan

Hubungan Luar Negeri (IDFR)

Para Jemputan Khas 2

Pegawai-pegawai Kanan, Kementerian Luar Negeri yang akan menjalankan tugas sebagai Ketua-ketua Perwakilan Malaysia di luar negeri berserta pasangan masing-masing Tan Sri, Dato"-Dato", Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dikasihi sekalian;

PEMBUKA BICARA

1. Alhamdullillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya juga dapat kita bersama-sama dalam majlis pada malam ini. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak pengajur, iaitu IDFR kerana sudi mengaturkan ruang dan 3 memberi kesempatan yang cukup bermakna ini.

Y. Bhg Tan Sri, Dato“-Dato“, Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

MENYOROT SEJARAH BANGSA

2. Awal bicara, ada baiknya kita susuri sejenak leluhur tamadun kita suatu ketika dahulu. Pastinya figura seperti Laksamana Hang Tuah, Bendahara Tun Perak, Panglima Awang dan beberapa lagi tokoh di alam nusantara ini pernah kita kenali kisah mereka sebagai utusan Kerajaan pada ketika itu. Hasil daripada sentuhan mereka selaku utusan telah menjadikan Kerajaan Melayu Melaka sebuah empayar terkemuka dengan menjalin hubungan diplomatik yang kukuh dengan kuasa-kuasa besar seperti Empayar Srivijaya, Majapahit dan China.

3. Menjadi utusan pada zaman kegemilangan Kerajaan Melayu Melaka dan zaman kecanggihan teknologi pada hari ini merupakan dua perkara yang berbeza latar belakangnya. Namun begitu, tersisip satu persamaan yang nyata iaitu peri pentingnya mengekalkan jati diri yang unggul serta identiti negara di tengah-tengah pertembungan tamadun dan budaya. Ia penting kerana keunikan nilai dan budaya yang kita miliki dapat menyerlahkan kita di persada antarabangsa. Saya sedar ianya cabaran yang

berat. Pun begitu, saya yakin dan percaya bahawa tuan-tuan dan puan-puan akan sentiasa memegang kemas ikatan jati diri ini di mana jua anda ditempatkan.

SENADA DALAM MERENCANA ASPIRASI NEGARA

4. Seperti kita sedia maklum, abad ke-21 muncul dengan landskap politik, ekonomi dan sosial yang lebih mencabar. Negara kini berhadapan dengan perubahan persekitaran yang dinamik yang bercirikan kepesatan teknologi, impak krisis ekonomi dunia serta cabaran globalisasi dan liberalisasi yang merupakan pembolehupaya sejagat yang boleh mempengaruhi prestasi daya saing negara. Kita seharusnya berbangga menjadi rakyat Malaysia kerana dengan kemakmuran dan limpahan rezeki yang Tuhan berikan, Malaysia hari ini semakin berjaya di mata dunia.

5. Keadaan ini telah mendorong perkhidmatan awam negara untuk melihat semula peranannya secara berterusan serta menuntutnya untuk menjajarkan kepelbagaian, meningkatkan pengetahuan serta kemahiran bagi memastikan negara terus berdaya saing. Impak kepada cabaran tersebut memerlukan agensi perkhidmatan awam melakukan transformasi yang bersesuaian dan menuntut anjakan paradigma untuk memastikan organisasi perkhidmatan awam terus kekal relevan.

6. Ibarat pengembara lampau yang menggunakan bintang di langit sebagai pedoman dalam menunjuk arah perjalanan di gurun yang tandus, begitulah juga kita memerlukan panduan yang akan meletakkan kita di atas landasan yang betul dan kukuh ke arah pencapaian Wawasan 2020. Empat tonggak utama yang menjadi aspirasi kepimpinan kita masa ini iaitu Gagasan 1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan;

Program Transformasi Kerajaan (GTP), Model Baru Ekonomi (MBE) dan Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10) menjadi panduan serta tunjuk arah yang akan memacu kita mencapai matlamat negara maju dan berpendapatan tinggi. Hakikatnya ialah kita, baik di perkhidmatan domestik mahupun luar negeri adalah merupakan tulang belakang dalam menjayakan aspirasi kerajaan tersebut.

Y. Bhg Tan Sri, Dato“-Dato“, Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

7. Perkhidmatan luar negeri pada hari ini bukan lagi memerlukan kita berbahasa dalam lenggok diplomatik dan protokol semata-mata, malah perlu peka terhadap isu keselamatan, perdagangan, pertanian, pendidikan, pelancongan dan sebagainya. Pendek kata, tuan-tuan dan puan-puan adalah merupakan *mini public service* untuk rakyat Malaysia di perantauan dan seantero dunia. Elemen-elemen yang menjadi *national interest* seperti yang saya nyatakan tadi perlu dilihat melalui saluran yang satu.
8. Walaupun perkhidmatan luar negeri dilihat terasing daripada perkhidmatan dalam negeri, hakikatnya pelanggan tetap menganggap perkhidmatan awam sebagai sebuah entiti tunggal dalam penyampaian perkhidmatan. Oleh yang demikian, kedua-dua sektor perlu bergerak seiring dan seirama sebagai sebuah pasukan yang padu dan jitu. Ini hanya dapat direalisasikan melalui pewujudan rangkaian yang strategik serta kerjasama dan penyelarasaran yang efektif oleh semua agensi dalam melaksanakan peranan dan fungsi masing-masing.

9. Saya yakin, setiap di antara kita, walau di mana jua pun kita berada, tetap akan terdapat rasa **sense of belonging** dan rasa setia dan cinta terhadap negara kita dan akan memainkan peranan masing-masing, bukan sahaja sebagai penjawat awam, tetapi mempunyai tanggungjawab dan kewajipan untuk mengharumkan nama negara yang berdaulat.
10. Di samping itu juga, penjawat awam harus mengamalkan sifat kesederhanaan dalam apa jua tindakan kita, sentiasa rendah hati, berbudi bahasa dalam pergaulan dan saling hormat-menghormati antara satu dengan lain, walaupun di perantauan kerana kita sentiasa dipandang oleh masyarakat antarabangsa. Prinsip **kesederhanaan** atau **wasatiah** inilah yang telah meningkatkan imej negara kita sebagai salah sebuah negara Islam yang berwibawa.
11. Dalam masa penempatan kita di luar negara, eloklah juga kita melihat kepada amalan pengurusan yang terbaik. *Observe and benchmark the best practices of other societies and countries. They cannot be duplicated and imitated if the participants are not willing to exercise and implement the aspire standards. The often said term, “doing the right thing” is relative from person to person, society to society, culture to culture and generation to generation. Apply wherever and whenever relevant. Our systems must seek to strengthen where work still needs to be done, and must bring to task those who have failed.*

12. Sebagai diplomat, Ketua-ketua Perwakilan Malaysia di luar negara perlu berkemampuan membina hubungan pada peringkat lebih tinggi dan mewakili kepentingan negara dalam politik dan ekonomi. Menjadi diplomat bukan setakat menyatakan pendirian Kerajaan terhadap sesuatu isu tetapi perlu memahami hubungan dua hala dalam konteks yang lebih luas dan mengenali kumpulan-kumpulan yang bergerak di peringkat global dan serantau.
13. Pada peringkat tempatan, diplomat perlu diterima sebagai sebahagian daripada kumpulan masyarakat yang berpengaruh dalam bidang sosial dan politik di negara tuan rumah demi kepentingan negara. Sebagai diplomat yang berpengalaman, adalah sangat penting bagi Ketua-ketua Perwakilan Malaysia mahir dalam tiga perkara di peringkat global. **Yang Pertama**, berfikiran strategik bagi memahami perubahan sosiopolitik, percaturan ekonomi dan situasi global seperti situasi politik, penyebaran penyakit berjangkit, isu keselamatan dan kebangkitan hegemoni baru seperti China dan India.

Kedua mereka perlu berupaya mengetuai dan membentuk ASEAN di luar Asia Tenggara memandangkan pertubuhan serantau itu merupakan platform bagi negara ini melibatkan diri dalam isu-isu global.

Ketiganya, sebagai diplomat, Ketua-ketua Perwakilan Malaysia mestilah mampu mempromosikan Malaysia di mata dunia.

14. Kita juga mesti berupaya memahami budaya tempatan dan menjadi sebahagian daripada masyarakat negara tuan rumah. Ini termasuk memahami bahasa dan berupaya bertutur dalam bahasa tuan rumah bagi mengetahui dengan mendalam mengenai budaya, agama dan nilai-nilai tempatan yang dapat memberi faedah kepada Malaysia. Ketua-ketua misi Malaysia juga perlu membina reputasi baik di negara tuan rumah dan perkara ini boleh dicapai dengan mengadakan hubungan baik dengan pihak media di negara terlibat serta meningkatkan diplomasi dengan masyarakat setempat.

DIPLOMASI BUDAYA

15. Diplomasi standard sahaja tidak mencukupi. Saya ingin menekankan kepada diplomasi budaya yang merupakan tulang belakang atau aspek yang penting untuk terus memperkuuhkan nama Malaysia di mata dunia. Tugas memikul tanggungjawab diplomasi budaya ini bukan sahaja terletak di bahu Duta-duta atau Ketua Perwakilan Kerajaan Malaysia di luar negara, malah merupakan tanggungjawab setiap rakyat Malaysia termasuklah pasangan-pasangan Ketua Perwakilan yang akan memainkan peranan memperkenalkan identiti Malaysia kepada dunia luar. Diplomasi budaya dapat menunjukkan gambaran sebenar sesebuah negara. Ia juga membantu mengetengahkan budaya dan nilai-nilai yang menjadi asas kewujudan negara ini kepada masyarakat antarabangsa untuk meningkatkan imej negara. Diplomasi budaya juga dapat membina hubungan dengan orang lain yang dapat bertahan walaupun kerajaan bertukar. Ia dapat mendorong perkembangan masyarakat sivil dan membolehkan sesuatu komuniti mempelajari nilai dan budaya masyarakat lain untuk mengurangkan jurang perbezaan.

JASA SURI DAN AHLI PERWAKILAN JUGA DIHARGAI

YBhg. Tan Sri, Puan Sri, Datin Sri, Datin-Datin, dan puan-puan sekalian

16. Saya juga amat menghargai jasa, sumbangan serta segala pengorbanan oleh ahli-ahli PERWAKILAN yang berada di Kementerian Luar Negeri dan juga di luar negeri. Sememangnya, penglibatan dalam persatuan ini menuntut pengorbanan dan masa kita semua, namun ianya tidak akan menjadi kenyataan tanpa keikhlasan kita dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diberikan. Walau bagaimanapun, saya telah difahamkan bahawa di sebalik kesibukan masing-masing, ahli-ahli PERWAKILAN telah berjaya melaksanakan pelbagai aktiviti dengan jayanya. Ini melambangkan dedikasi dan komitmen tinggi yang telah diberikan oleh semua ahli PERWAKILAN. Kehidupan di luar negara sememangnya sangat sensitif, oleh itu sama-sama kita menjaga perhubungan serta ukhwah sebagai satu komuniti rakyat Malaysia yang bersatu padu.

17. Semasa di luar negara juga, PERWAKILAN memainkan peranan yang sangat penting dalam membantu menjayakan pelbagai aktiviti Kerajaan. Ini termasuk penglibatan dan sumbangan semasa lawatan-lawatan orang kenamaan, sambutan Hari Kebangsaan, sambutan Hari Perayaan dan upacara penting dan aktiviti-aktiviti kebudayaan dan pelancongan untuk memperkenalkan negara kita di mata dunia, sambil mengibarkan Jalur Gemilang. Sesungguhnya kejayaan Kementerian Luar Negeri dalam meningkatkan imej negara dan kefahaman yang lebih meluas mengenai budaya,

adat resam dan struktur sosio-ekonomi negara kita di luar negara adalah kejayaan PERWAKILAN juga.

18. So, tonight, I would like to express my personal congratulations and gratitude to PERWAKILAN members who have been outstanding and dedicated in their cooperation and contributions. You have been very understanding and have given your upmost support and it means so much to us, to the Government and certainly to your husbands.

MENANGANI CABARAN DALAM SEKTOR AWAM

19. Perkhidmatan awam yang cemerlang menuntut setiap anggotanya agar memahami peranan dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan. Cabaran utama kini adalah untuk memastikan bagaimana perkhidmatan awam dapat melaksanakan peranannya sebagai jentera pentadbiran Kerajaan yang dinamik mengikut keperluan perubahan persekitaran serta memenuhi aspirasi kepimpinan negara. Oleh itu, ia memerlukan beberapa langkah seperti berikut:

i. Peka Terhadap Perubahan Persekitaran dan Keperluan *Stakeholders* serta Pelanggan.

20. Semua agensi mempunyai matlamat yang sama iaitu menerokai secara berterusan cara yang terbaik untuk memenuhi keperluan pelanggan dan *stakeholders*. Slogan “Pelanggan Diutamakan” janganlah hanya menjadi omong kosong tetapi perlu diamalkan. Sebagai agensi utama yang bertanggungjawab menguruskan kebijakan rakyat Malaysia di luar negara, Kedutaan Besar Malaysia dan Pejabat Pesuruhjaya Tinggi perlu menjadi **rumah kedua** kepada rakyat Malaysia. Tanggungjawab ini amat

besar dan tentunya pelanggan mengharapkan yang terbaik, justeru komitmen tidak berbelah bahagi daripada tuan-tuan amatlah dituntut. Janganlah pula ada sikap memilih bulu di mana hanya tetamu bertaraf kenamaan diutamakan sebaliknya rakyat biasa kurang diberi keutamaan. Rasanya belum terlambat untuk saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak kedutaan Malaysia amnya dan Kementerian Luar Negeri khasnya atas penglibatan, komitmen dan bantuan kepada rakyat Malaysia dalam menangani krisis politik di Timur Tengah dan bencana alam di Jepun dan Australia.

ii. Mendapatkan Maklum Balas Pelanggan

21. Penambahbaikan penyampaian perkhidmatan hanya dapat dilakukan sekiranya jabatan mempunyai jentera yang berkesan untuk mengesan keperluan sebenar pelanggan ~ *feedback is the breakfast of champions*. Dalam hubungan ini, suka saya menarik perhatian tuan-tuan kepada maklum balas yang diterima oleh pihak JPA semasa menjalankan **Kajian Merasionalisasikan Pejabat Penasihat Pendidikan dan Latihan (PPL)**. Daripada maklum balas silang yang diperolehi daripada responden di kalangan pegawai yang bertugas di Pejabat Penasihat Pendidikan dan Latihan, Education Malaysia atau dahulunya MSD dan Kedutaan Besar Malaysia, didapati isu-isu berkaitan keperluan pangkalan data maklumat yang lengkap mengenai pelajar serta pegawai dan rakyat Malaysia yang berada di sesuatu tempat, penyelarasaran dan pertindihan tugas, pemantauan pelajar serta sikap pegawai telah ditimbulkan. Justeru, saya menyeru supaya perkara ini diberi perhatian serius demi memastikan pelanggan sentiasa mendapat perkhidmatan terbaik.

iii. Memberi fokus kepada keberhasilan (*outcome*) berbanding *output*

22. Dalam kita memberikan perkhidmatan, adakah kita pasti ia benar-benar memenuhi harapan pelanggan? Untuk menjawab persoalan ini, kita perlu sentiasa menilai impak yang dicapai melalui segala usaha yang telah kita jalankan. Begitu juga dalam melaksanakan tugas kita janganlah hanya melakukan sesuatu perkara kerana ia sudah menjadi rutin biasa tanpa mengetahui rasional dan falsafah di sebaliknya. *Never lose sight of the forest for the trees.* Perkhidmatan luar negeri agak unik kerana saling kebergantungan (*interdependencies*) *outcome* antara pelbagai agensi, misalnya antara pihak kedutaan dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan MATRADE), Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Pelancongan (TOURISM), Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Kementerian Pertahanan dan sebagainya, dalam usaha menarik pelaburan dan pelancong asing. Justeru, saya menyeru pihak Kedutaan Besar Malaysia khususnya dan Kementerian Luar Negeri amnya, mengenal pasti apakah keberhasilan utama yang benar-benar memberi impak kepada negara. Ini penting supaya Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang ditetapkan adalah jelas, mudah difahami dan boleh diukur untuk memastikan prestasi sebenar organisasi.

iv. Memastikan Kemesraan (*Ensuring Courtesy*)

23. Dalam menyampaikan perkhidmatan, ***sense of urgency*** dan ***sense of passion*** perlu ditanamkan dalam sanubari setiap anggota kerana semua agensi awam diwujudkan untuk memberi perkhidmatan dan pelanggan harus menerima layanan yang mesra, cepat dan tepat. Sikap ini perlu disulami dengan perkhidmatan yang penuh budi pekerti, berbudi bahasa dan berhemah tinggi. Kita perlu sentiasa memastikan petugas barisan hadapan dipantau dan dinilai dari semasa ke semasa. Kita perlu memberikan

perkhidmatan yang mesra pelanggan dengan membudayakan senyum, salam dan sapa seperti firman Allah S.W.T di dalam Surah An-Nisa: Ayat ke-88 yang bermaksud:

" Dan apabila kamu diberi penghormatan dengan sesuatu ucapan (hormat seperti memberi salam) maka balaslah penghormatan itu dengan lebih baik daripadanya atau balasnya dengan cara yang sama. Sesungguhnya Allah sentiasa menghitung tiap-tiap sesuatu ".

KE ARAH MEMBUDAYAKAN KECEMERLANGAN PERKHIDMATAN AWAM

24. Seperti tuan puan sedia maklum, Kerajaan telah memutuskan supaya dihidupkan semula sistem pengukuran prestasi berdasarkan *star rating*. Amalan mengukur prestasi seperti ini, khususnya untuk mengukur daya saing sesebuah negara, telah lama diperkenalkan di peringkat antarabangsa. Ia mendatangkan banyak faedah kepada agensi Kerajaan, antaranya, agensi dapat mengetahui tahap pengamalan sistem pengurusan terbaik di agensi masing-masing, boleh menanda aras pencapaian masing-masing dengan agensi lain serta dapat mewujudkan persaingan yang sihat antara agensi, dalam usaha meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan sedia ada. Oleh itu, saya menyarankan agar kita memberi perhatian yang serius dalam usaha meningkatkan kualiti perkhidmatan walaupun kita berada di luar negara dan berusaha keras untuk mencapai tahap kecemerlangan 5 bintang secara konsisten.

25. Aspirasi kepimpinan negara adalah ingin melihat perkhidmatan awam terus mengamalkan budaya kecemerlangan. Untuk itu, Kerajaan telah membuat pelaburan yang besar dalam bentuk pengukuhan organisasi yang terlibat dalam hubungan antarabangsa seperti antara lain;

i. Pemantapan fungsi dan struktur di Kementerian Luar Negeri dan Pejabat Perwakilan Malaysia.

ii. Penubuhan Konsulat Jeneral di Dubai, Frankfurt dan Mumbai serta beberapa tempat lain

26. Pelaburan yang besar ini dalam menyediakan infrastruktur yang moden dan dengan program peningkatan keupayaan modal insan perlu diterjemahkan dengan penyampaian perkhidmatan yang cekap dan berkesan. Kemudahan fizikal bertaraf dunia pertama perlu diperlengkapkan dengan warga berfikiran dan berbudaya dunia pertama juga. Pembangunan sumber manusia kita yang terhad terutama di luar negara perlu ditingkatkan supaya warga diimbangkan pembangunan dari segi fizikal, mental dan spiritual.

27. Pada masa yang sama, kepimpinan negara hari ini menuntut perkhidmatan awam untuk *do more with less* dan memberi keutamaan kepada *value for money*. Dengan kata lain, kita digesa untuk memanfaatkan sepenuhnya sumber yang ada untuk memastikan keberhasilan yang lebih tinggi. Tuntutan ini memerlukan kita sebagai penjawat awam, tidak kira di mana kita bertugas untuk berfikir secara kreatif, inovatif dan di luar kotak pemikiran biasa. Mentaliti silo dan bekerja mengikut batasan bidang kuasa agensi masing-masing perlu dipecahkan untuk menghasilkan sinergi bagi

meningkatkan nilai tambah perkhidmatan ke arah „*the whole of government concept*”, mengurangkan ketirisan sumber dan sekali gus memastikan penghasilan di tahap tertinggi. Usaha ini sedang giat dijalankan dalam perkhidmatan awam hari ini melalui inisiatif ala Blue Ocean Strategy di mana agensi-agensi Kerajaan telah duduk semeja, berkongsi bukan sahaja idea malahan sumber yang dimiliki secara merentasi sempadan agensi.

28. Dalam hubungan ini juga, JPA sedang merasionalisasikan dan mewajarkan semula hala tuju agensi di luar negara ke arah perkhidmatan awam yang kejat (*lean civil service*). Sedar atau tidak, terdapat pertindihan tugas dan fungsi yang ketara di antara agensi-agensi Kerajaan di luar negara yang menyebabkan pembaziran sumber dan kos operasi yang tinggi. Melalui kajian rasionalisasi yang sedang dijalankan, konsep gunasama akan dimanfaatkan sepenuhnya dari segi perkongsian penggunaan sumber sedia ada seperti perjawatan dan kemudahan. Usaha awal telah dimulakan dengan melihat semula peranan pejabat Penasihat Pendidikan dan Latihan JPA bersama-sama dengan agensi kerajaan lain seperti *Malaysian Student Department* (MSD), MARA dan lain-lain supaya boleh disatukan di bawah satu entiti iaitu *Education Malaysia* (EM). Ianya akan diteruskan dengan rasionalisasi agensi-agensi Kerajaan lain di luar negara (saya difahamkan bilangan agensi Kerajaan di luar negara berjumlah hampir 400 buah) bagi memastikan perbelanjaan kerajaan yang cekap dan berkesan serta memberi nilai tambah.

EAST ASIAN MIRACLE

29. Tempias ketidakstabilan sosioekonomi atau sosiopolitik di rantau ini secara tidak langsung akan turut menimpa Malaysia. Kita perlu melengkapkan diri dengan pertahanan yang sewajarnya di dalam era *Neoliberalism* ini. *Interdependency is the key to move forward. Therefore, there is also a need to enhance our regional diplomacy capabilities.* Komitmen negara dalam mempertingkatkan *regional diplomacy* boleh dilihat melalui kerjasama di peringkat ASEAN dan forum-forum serantau, seperti *ASEAN Conference on Civil Service Matters* (ACCSM), Asean Military and Defence Forum (AMD) dan sebagainya agar mendokong hasrat pemimpin-pemimpin negara Asia Tenggara untuk membawa kestabilan sosioekonomi serantau.

30. Sejajar dengan ini, adalah penting supaya kita tidak melupakan *ASEAN's spirit* dan menggembrelleng tenaga untuk membentuk sebuah komuniti ASEAN melalui konsep 1 ASEAN seperti yang telah disarankan oleh Perdana Menteri dalam *The 8th ASEAN Leadership Forum* di Indonesia pada bulan Mei. Kita terpaksa akui bahawa kita tidak mampu mencapai status negara maju tanpa sokongan dan kerjasama negara-negara serantau. Oleh itu, kita harus melihat kepentingan untuk menangani segala cabaran mendatang sebagai sebuah rantau. Kejayaan yang dicapai sebagai sebuah rantau akan memperlihatkan impak yang lebih besar di peringkat antarabangsa.

31. Dalam merealisasikan hasrat penubuhan komuniti ASEAN menjelang tahun 2015 dan menjadikan ASEAN sebuah rantau yang mana barang, penduduk, pelaburan dan inisiatif lain boleh bergerak melewati sempadan tanpa sebarang halangan seiring dengan pertubuhan antarabangsa yang lain seperti European Union, kita memerlukan

world class civil servants yang bukan sahaja mampu menjaga kepentingan bangsa dan negara sendiri malah mula melihat dirinya sebagai sebahagian daripada sebuah entiti yang lebih besar iaitu ASEAN.

PENUTUP

32. Ingin saya nyatakan di sini bahawa saya berbangga dengan kejayaan yang telah dicapai oleh penjawat-penjawat awam yang berkhidmat di sektor luar negeri yang telah menggunakan ruang yang wujud untuk musyawarah dan muafakat dengan sebaiknya sehingga 40 negara mencapai pelbagai kemajuan hubungan diplomatik yang kukuh, rangkaian perdagangan yang semakin bertambah dan kestabilan serantau. Usaha-usaha yang telah dijalankan perlu diteruskan tanpa melupakan jati diri sebagai Anak Malaysia.

33. Adalah menjadi harapan bahawa perkhidmatan awam di luar negeri bergerak seiring dengan perkhidmatan di dalam negara dan adalah diyakini bahawa pengurusan dalam perkhidmatan awam walau di mana sahaja kita berada mempunyai keupayaan untuk meneruskan kecemerlangan merealisasikan harapan semua pihak pada masa akan datang.

34. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya juga ingin menyeru kepada semua agar terus memberikan komitmen yang tidak berbelah bagi terhadap usaha mempromosi dan meningkatkan imej negara. Berkhidmat untuk negara dan setia kepada negara menjadi pegangan penting kita. Selamat bertugas dan selamat maju jaya.

Terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.